



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPAKK 2023 ANTARA USAHA KPWKM DAN NGO JAMIN KELESTARIAN AMALAN PENGASUHAN DAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

PUTRAJAYA, 9 Jun – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah merasmikan **Majlis Konvensyen Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan 2023 (KPAKK 2023)** dengan tema **Kelestarian Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak**. Konvensyen ini merupakan program kerjasama antara Persatuan Pengasuhan dan Perkembangan Awal Kanak-kanak Berdaftar Malaysia (PPBM) dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Konvensyen PAKK 2023 ini merupakan usaha berterusan dalam memastikan perkembangan kanak-kanak terjamin dan memberi kesan positif berpanjangan untuk kesinambungan kehidupan mereka pada masa hadapan. Ibu bapa atau penjaga, pengusaha dan pengasuh perlu faham dan celik undang-undang terutamanya berkaitan Akta Kanak-kanak, Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak dan peraturan-peraturan yang berkaitan.

Konvensyen PAKK 2023 ini juga diadakan sebagai platform bagi membincangkan isu penderaan yang mendapat liputan meluas media mengenai isu yang melibatkan kecuaiian serta kematian semasa asuhan dan penjagaan Kanak-Kanak khususnya di Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA). Sepanjang tahun 2022,

Kementerian melalui JKM telah mengendalikan sebanyak **6,781** kes yang melibatkan penderaan dan pengabaian secara fizikal, seksual, emosi dan juga pengabaian. Negeri Selangor mencatatkan jumlah kes tertinggi sebanyak 1,694 diikuti dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 962 kes dan Negeri Sabah menduduki tempat ketiga dengan mencatatkan jumlah sebanyak 703 kes.

KPWKM menyeru kepada semua khususnya ibu bapa agar menjadi lebih peka selain mempersiapkan diri dengan capaian maklumat yang lebih meluas dan menghantar anak-anak Ke TASKA yang berdaftar bagi memastikan keselamatan dipantau setiap masa agar lebih terjamin. Bagi tujuan ini, ibu bapa boleh melayari Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat di pautan www.jkm.gov.my untuk melihat senarai penuh TASKA yang berdaftar. KPWKM melalui JKM dari semasa ke semasa akan membuat pemantauan serta penguatkuasaan kepada semua TASKA dan tidak akan berkompromi terhadap sebarang ketidakpatuhan terhadap Akta TASKA 1984 termasuklah pengusaha-pengusaha TASKA di rumah.

Majlis KPAKK ini turut dihadiri YB Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBrs. Tuan Norazman bin Othman, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan YBrs. Puan Anisa Ahmad, Presiden Persatuan Pengasuhan dan Perkembangan Awal Kanak-Kanak Berdaftar Malaysia.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
9 JUN 2023**